



SIARAN MEDIA

JABATAN DIGITAL NEGARA LUNCUR GARIS PANDUAN PENGADAPTASIAN KECERDASAN BUATAN (AI) SEKTOR AWAM

PUTRAJAYA - Jabatan Digital Negara (JDN), jabatan di bawah Kementerian Digital telah menganjurkan Majlis Peluncuran Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam yang berlangsung dengan jayanya pada 27 Februari 2025 (Khamis) bertempat di Hotel Le Meridien, Putrajaya.

Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam ini telah dibangunkan oleh JDN dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sebagai satu rujukan khusus bagi sektor awam dalam memastikan pembudayaan dan penggunaan AI diterapkan dengan lebih bertanggungjawab dan beretika, serta menggalakkan kecekapan dan keberkesanan teknologi serta inovasi AI.

YB Menteri, Tuan Gobind Singh Deo telah merasmikan sesi peluncuran yang disaksikan oleh para jemputan dalam kalangan Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan, Ketua Pegawai Digital (CDO), Pengurus ICT Sektor Awam dan rakan industri. Majlis turut disempurnakan dengan sesi penyerahan dokumen Garis Panduan Pengadaptasian AI Sektor Awam daripada Ketua Pengarah JDN iaitu YBrs. Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar kepada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) iaitu Yang Bhg. Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim. Sesi Perkongsian *Use Case* AI di Sektor Awam serta Forum Etika dan Tadbir Urus AI Sektor Awam turut diadakan manakala keseluruhan acara telah disiarkan kepada umum melalui penstriman langsung di laman sosial rasmi JDN.

Garis panduan setebal 158 muka surat ini dibangunkan oleh Bahagian Perundingan Digital JDN, mengandungi enam (6) bab dan tiga (3) lampiran serta boleh diakses secara maya di portal rasmi <https://www.jdn.gov.my>. Garis panduan ini mengandungi penerangan tentang pengenalan AI, prinsip etika yang perlu dipatuhi, peranan dan tanggungjawab aktor, pengurusan risiko, kaedah pengadaptasian dan templat penilaian sendiri untuk agensi mengenal pasti skop serta impak AI di agensi sektor awam.

Sebagai kesinambungan daripada pelaksanaan garis panduan ini, satu seminar AI sektor awam akan diadakan di peringkat kebangsaan sekitar bulan Ogos 2025.

Penghasilan garis panduan ini merupakan antara inisiatif JDN untuk mendukung nilai teras Malaysia MADANI iaitu melalui pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia khusus dalam ekosistem perkhidmatan awam. Ia juga selari dengan slogan Kepengerusian ASEAN 2025, "Keterangkuman dan Kemampanan" yang dizahirkan menerusi tema Kementerian Digital iaitu "Memajukan Masa Depan Digital Yang Dikongsi Bersama".

JDN kekal fokus kepada penyelesaian digital untuk meningkatkan kebolehcapaian, kecekapan dan ketelusan perkhidmatan kerajaan melalui pemanfaatan AI, *Internet of Things*, analisis data dan keselamatan siber. Ini turut membuktikan komitmen JDN dalam memacu transformasi pendigitalan sektor awam terutama dalam bidang AI selaras dengan visi "Kerajaan Digital Mampan, Pemangkin Negara Digital" menerusi pembangunan ekosistem AI sektor awam yang inovatif, inklusif dan mesra rakyat.

Ketua Pengarah JDN, YBrs. Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar turut mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Digital, YBhg. Tuan Fabian Bigar dan Ketua Pegawai Eksekutif MDEC YBrs. Tuan Anuar Fariz Fadzil.

JABATAN DIGITAL NEGARA

27 Februari 2025

Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat | Jabatan Digital Negara